



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**PADA SESI PEMBENTANGAN USUL**  
**“MEMPERKUKUHKAN MAKSUD TAFSIRAN AHLI**  
**SUNNAH WAL JAMAAH UNTUK MENJADI PEGANGAN**  
**KEPADA ORANG ISLAM DI NEGERI MELAKA”**  
**(23 SEPTEMBER 2021, KHAMIS)**

---

BismillahirRahmanirRahim,  
Alhamdulillah Rabbil A'lamín, Wassolatuwassalamu A'la  
Asyrafil Anbiyai Wal Mursalin, Wa A'la Alihi Wasohbihi  
Ajmain, Amma Ba'du,

**YANG BERHORMAT DATUK SERI AB. RAUF BIN YUSOH**  
**SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA,**

**YANG BERHORMAT DATO' TS KAMEL BIN MOHAMAD**  
**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA,**

**YANG BERHORMAT TUAN HAJI ADLY BIN ZAHARI**  
**KETUA PEMBANGKANG, MERANGKAP ADUN BUKIT KATIL,**

**YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT**  
**KERAJAAN NEGERI,**

**YANG BERHORMAT DATUK WIRA TIMBALAN SPEAKER,**

**YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI,**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG TIDAK DAPAT SAYA SEBUTKAN NAMANYA SATU PERSATU, NAMUN ITU TIDAK HILANG HORMAT DAN NILAI PERSAUDARAAN SAYA KEPADA SEMUA, SERTA SAUDARA DAN SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.**

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabaraktuh, Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.**

1. Saya bangun sekali lagi mencadangkan satu Usul yang berbunyi:

***"Bahawa Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan untuk Memperkukuhkan Maksud Tafsiran Ahli Sunnah Wal Jamaah untuk menjadi pegangan kepada orang Islam di Negeri Melaka agar satu pindaan dibuat ke atas Seksyen 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002".***

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat,

2. Seperti yang kita sedia maklum, Malaysia adalah sebuah Negara Islam yang bertunjangkan dasar dan teras kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Aqidah, syariah dan akhlak ummah sentiasa dipelihara agar selari dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam dasar dan teras tersebut.

3. Dasar ini jelas termaktub dalam **Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan** yang memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan. Manakala tafsiran 'Islam' dalam perlembagaan telah diperincikan lagi menerusi keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-8 yang telah diadakan pada **24 dan 25 September 1984 [Kertas Bil. 2/8/84, Perkara 4.2. (2)]** mengenai aliran Syiah, antara lain juga telah menetapkan keputusan seperti berikut:
- i). Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqi'dah, syariah dan akhlak.
  - ii). Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri bagi memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri-Negeri hendaklah agama Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak.
4. Selain itu, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang pada **5 Mei 1996** telah memutuskan bahawa:

- i). Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah WalJamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak.
- ii). Memperakukan pindaan kepada semua undang-undang Negeri yang berhubung dengan hukum syarak bagi menyelaraskan takrif “Hukum Syarak” atau “Undang-undang Islam” seperti berikut: “Hukum syarak” atau “Undang-undang Islam” ertinya Undang-undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak”.
- iii). Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum syarak dan Undang-undang Islam; dan dengan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang.
- iv). Menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada Undang-undang Islam dan Hukum syarak yang berasaskan pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah sahaja.
- v). Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat,

5. Jabatan Mufti Negeri Melaka pada tahun 1997 telah memperaku keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia danewartakan fatwa **M.P.U.5 bertarikh 16 Julai 1997** berhubung kewajipan berpegang dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah kepada masyarakat Islam di Negeri Melaka dengan sighth berikut:
  - i). **Adalah ditetapkan bahawa umat Islam di negeri Melaka hendaklah mengikut Undang-Undang Islam dan ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak;**
  - ii). **Adalah diperakukan bahawa ajaran Islam selain pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum syarak dan dengan yang demikian penyebaran apa-apa ajaran lain selain pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang;**
  - iii). **Adalah ditetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan sebagainya dalam dan dengan apa-apa cara yang lain yang berkaitan dengan ajaran yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan.**

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat,

6. **Seksyen 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [Enakmen. No. 7 tahun 2002]** pula telah mentafsirkan “Hukum syarak” sebagai Hukum syarak mengikut Mazhab Shafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali.
7. Mutakhir ini, isu aqidah kembali menjadi perbincangan berikutan timbulnya pelbagai doktrin-doktrin baru serta doktrin lama yang ditimbulkan semula yang jelas bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, sekali gus mencabar fatwa yang telah diwartakan.
8. Antara isu aqidah yang dikesan di negeri Melaka seperti Syiah, amalan khurafat di Pulau Besar, Ajaran Panji Langit, Hizbu Tahrir Malaysia, Asalama, Millah Abraham, Syahadah dan Zikir Nafas oleh Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) serta aktiviti perbomohan yang meragukan.
9. Aliran pemikiran semasa juga mencabar dan mengelirukan pegangan umat Islam masa kini seperti pemikiran Libralisme, Pluralisme dan Anti Hadith.

10. Apa yang membimbangkan juga adalah gerakan Wahabi dan Salafi yang ekstremis dan sering membida'ah serta mengkafirkan amalan-amalan khilafiyah yang menjadi kebiasaan dalam masyarakat Islam di Malaysia amnya dan di negeri Melaka khususnya seperti wirid, tahlil, zikir, sambutan Maulidur Rasul dan lain-lain sebagai amalan yang sesat. Pandangan-pandangan ini mengelirukan fahaman masyarakat dan menjejaskan perpaduan umat Islam.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat,

11. Sehubungan itu, bagi memelihara kesucian agama Islam daripada serangan penyelewengan doktrin, aliran pemikiran dan ekstremis yang pelbagai, pengukuhan kepada maksud Ahli Sunnah Wal Jamaah di Negeri Melaka perlu diperjelaskan lagi agar lebih mantap dan mampu membendung penyebaran ajaran-ajaran yang menyimpang daripada aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di negeri ini melalui kaedah berikut:

- i). Membuat pindaan kepada tafsiran “Hukum syarak” di bawah **Seksyen 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002** dengan memasukkan pegangan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah; dan

- ii). Memantapkan sughah kewajipan berpegang kepada Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah untuk diangkat ke Mesyuarat Majlis Agama Islam Melaka dan diwartakan.
12. Dengan pengukuhan kepada tafsiran Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam **Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002** dan penambahbaikan warta fatwa Negeri Melaka, ia akan menyatukan kepercayaan atau aqidah umat Islam di negeri ini dan secara tidak langsung berupaya memelihara keselamatan dan keamanan Negeri Melaka dari gejala perpecahan dan pergaduhan sesama muslim hasil dari isu pegangan akidah yang berbeza.
13. Cadangan pindaan kepada tafsiran Hukum syarak di dalam **Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002** telah dibentang dan dipersetujui dalam **Mesyuarat Majlis Agama Islam Melaka Bil. 3/2020** yang bersidang pada **27 Julai 2020**.
14. Cadangan pindaan tersebut juga telah dirafak sembah kepada Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Agama Islam bagi Negeri Melaka dan telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 2 November 2020.
15. Manakala Mesyuarat Jawatankuasa **Fatwa Negeri Melaka Bil.3/2020** pada pada **17 Ogos 2020** telah membincangkan mengenai cadangan semakan dan penambahbaikan fatwa berkenaan kewajipan berpegang dengan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.



16. Di samping itu, mesyuarat juga telah bersetuju agar **Warta Fatwa Negeri Melaka M.P.U. 5 Tahun 1997** berkaitan kewajipan berpegang dengan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah disemak dan ditambah baik bagi mengekang penyebaran fahaman-fahaman yang boleh menjejaskan aqidah umat Islam dan mengganggu gugat keharmonian masyarakat di negeri ini.
  
17. Dengan pindaan kepada **Seksyen 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 dan Warta Fatwa M.P.U. 5 tahun 1997**, ia akan mengikat semua orang Islam yang berada di Negeri Melaka untuk berpegang kepada Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat,

18. Sebagai kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa cadangan untuk memperkukuhkan maksud Ahli Sunnah Wal Jamaah bagi Negeri Melaka adalah tepat pada masa bagi memelihara keselamatan dan keamanan Negeri Melaka daripada gejala perpecahan dan pergaduhan sesama Muslim akibat isu pegangan akidah yang berbeza.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat.

19. Demikianlah pembentangan saya berkaitan Usul  
**“Memperkukuhkan Maksud Tafsiran Ahli Sunnah  
Wal Jamaah untuk menjadi pegangan kepada orang  
Islam di Negeri Melaka”**.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saya mohon mencadang.

